


# Mahathir bukan kawan saya



9595

AI


ZAINUDDIN MAIDIN  
TOKOH WARTAWAN NEGARA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# Mahathir bukan kawan saya



PUSTAKA PERDANA



1010953

ZAINUDDIN MAIDIN  
TOKOH WARTAWAN NEGARA





TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# Mahathir

bukan kawan saya



ZAINUDDIN MAIDIN  
TOKOH WARTAWAN NEGARA

# Mahathir

## bukan kawan saya

ZAINUDDIN MAIDIN  
> TOKOH WARTAWAN NEGARA  
> KARYAWAN TAMU  
INSTITUT PEMIKIRAN TUN MAHATHIR UUM





**Mahathir Bukan Kawan Saya**  
EDISI PERTAMA 2015

@ Hak cipta Terpelihara  
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa cara jua bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Penerbit:  
BYG PUBLISHER & DISTRIBUTORS  
Block A7-1-1, Megan Salak Park  
Jalan 2/125E, Taman Desa Petaling  
57100 Kuala Lumpur  
Tel: 603-90545286 / 90591918  
Fax: 603-90570130  
Emel: [byg.publisher@gmail.com](mailto:byg.publisher@gmail.com)

Dicetak Oleh:  
LIAN BROTHERS ENTERPRISE  
No. 30-34 Jalan Nirwana 37,  
Taman Nirwana  
68000 Ampang, Selangor D. E  
Tel: 03-9281933 Faks: 03-9281366



# DEDIKASI

---

**B**UKU ini saya dedikasikan kepada seluruh rakan sekerja di Utusan Melayu di semua bahagian; Jabatan Pengarang, Jabatan Pengeluaran, Jabatan Pemasaran, Pengiklanan dan Pengangkutan yang saya kenali dari sejak mula berkhidmat dengan Utusan Melayu hingga saya bersara (1962-1994).

Saya tidak dapat melupakan bagaimana dedikasi mereka kepada Utusan Melayu yang lebih terserlah kepada saya ketika saya menjadi Ketua Pengarang Utusan Melayu. Mereka telah bekerja dalam semangat persaudaraan yang tinggi dengan kecintaan kepada Utusan Melayu.

Saya tidak akan mencapai kedudukan tertinggi di Utusan Melayu jika saya tidak mendapat kepercayaan daripada semua ketua-ketua saya dari Zabha, Rosedin Yaacob, Salleh Yusuf, Osman Abadi, Othman Wok, Mazlan Nordin dan Melan Abdullah.

Mereka semua kini sudah tiada lagi dan suatu masa nanti, saya juga tidak akan ada lagi tetapi, insya-Allah Utusan Melayu (Utusan Malaysia) akan terus hidup, disambung nafasnya oleh generasi yang bertukar ganti yang menghayati semangat dan jiwa besar pendokong-pendokong Utusan Melayu terdahulu.

**ZAINUDDIN MAIDIN (Zam)**



# P R A K A T A P E N E R B I T

---

**J**IKA anda mengharapkan daripada Zam suatu cerita yang panjang mengenai Tun Dr. Mahathir bukan sebagai kawannya, anda akan kecewa, kerana *Mahathir Bukan Kawan Saya* hanyalah anekdot yang pendek dan menarik daripada pengalaman Zam berinteraksi dengan Dr. Mahathir ketika beliau sebagai doktor di Alor Setar dan juga ketika menjadi Menteri Pelajaran, Perdana Menteri dan sesudah bersara.

*Mahathir Bukan Kawan Saya* adalah Bab 1 daripada kompilasi beberapa bab lagi yang menceritakan pengalamannya yang menarik mengenai dirinya dan perkembangan sosial dan politik yang telah dilaluinya. Ada yang pernah diterbitkan dan ada juga yang belum tersiar di mana-mana.

Dalam buku kompilasinya yang pertama bertajuk *Pertama dan Terakhir* yang diterbitkan pada tahun 1980 setelah lebih 20 tahun dalam bidang kewartawanan, Zam mencatatkan "*Kiranya direstui Allah, saya mahu kekal di dunia yang sama,*" tetapi bila tersingkir daripada kewartawanan ketika menjadi Ketua Pengarang Utusan Melayu, Zam terdorong ke dalam politik yang membawanya ke jawatan Menteri Penerangan.

Beliau berada dalam dilema yang runcing ke menjadi Menteri Penerangan dalam kabinet



# MAHATHIR BUKAN KAWAN SAYA



Abdullah Badawi apabila berlaku krisis antara Abdullah dengan mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir, kerana beliau rapat dengan kedua-dua mereka daripada awal menerusi karier kewartawanannya dan Dr. Mahathir lah yang membawanya ke dunia politik dengan pelantikan sebagai Senator dan Abdullah mengangkatnya menjadi menteri penuh.

Beberapa anggapan timbul terhadap hubungan Zam dengan Mahathir tetapi orang ramai tidak tahu tekanan yang dihadapinya dalam mempertahankan Dr. Mahathir dan usahanya untuk mendamaikan Dr. Mahathir dan Abdullah telah disabotaj oleh beberapa pihak yang lebih suka jika krisis itu menjadi lebih buruk. Inilah yang diceritakan secara sepintas lalu oleh Zam dalam buku ini.



Walaupun Zam menganggap Dr. Mahathir bukan kawannya, tetapi orang ramai dan juga media sosial sering merujuk Zam sebagai kawan Dr. Mahathir. Dr. Mahathir sendiri menganggap Zam sebagai kawan tetapi “ada kalanya, tidak menyenangkan.” Anda akan dapat membuat hukuman sendiri setelah membaca buku ini sama ada Zam kawan atau bukan kawan Dr. Mahathir.

**DATO' RAJA AHMAD NIZA RAJA ISMAIL JP.**



# KANDUNGAN

- 1 Mahathir Bukan Kawan Saya  
48 Dr. Mahathir Ultra  
56 Stail Datuk Hussein Onn  
62 Harapan Yang Tak Kunjung Padam  
68 Hidup Matinya Sebagai Wartawan  
76 Gila Rambong  
82 Salam Othman Wok  
90 Utusan Tak Sanggup Simpan Besi-besi Karat  
98 Peristiwa Khalwat  
104 Suatu Malam di Brunei  
110 Suatu Pembohongan di Labuan  
116 Di Wajahnya Terlukis Harapan  
124 Keterujaan Yang Tidak Ada Bandingnya  
132 Inilah Sumpah Pendekar Kita  
138 Tunku Jatuh di Tangga Parlimen  
144 Hujan *Tak Tak Aye Mali*  
150 Yang Pertama dan Yang Terakhir  
158 Suatu Pagi Yang Murung  
166 Peristiwa 13 Mei  
174 Interviu Tun Dr. Ismail  
182 Mr. Mystery di Berlin Barat



Aug 21. The big day for Siti Nurhaliza and Datuk K?



Malacca Governor to play peaceball

Khalil's

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
P A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# MAHATHIR BUKAN KAWAN SAYA



- 190 Susah-susah Orang Senang
- 196 Bumi Yang Tak Mengenal Cinta
- 202 Penipuan di Mana-mana
- 210 Dia Kutip Wang Untuk Rokoknya
- 216 Semoga Dia Tidak Mati
- 222 Ada Rokok Tak Ada Mancis
- 228 Jatuh di Sidang Negara Berkecuali di Colombo
- 236 Berhari Raya Di London
- 244 Belajar Baca Muqadam di Malaysia Hall
- 250 India Kecil di London
- 256 Curi Baju Tidur di Hotel Tokyo
- 264 Singapura Oh Singapura!
- 272 Suatu Hari Paling Baik di Baling
- 280 Kerana Bunga
- 288 Siswa Perantau
- 296 Dari New York ke Jakarta
- 302 Kisah Dari Bas Merah
- 308 Pemberita Ditangkap Tak Puasa
- 314 Kembali ke Sabah
- 320 Kecurian Pasport di Itali Bagaikan Hilang Nyawa
- 330 Walau Gayat Tetap Jelajah Dunia



MU'KA SURAT :

» Najib: We don't want 'yes' men pg2

» 70% of grads jobless pg8

» News without borders


Hartem's  
playful  
muse p24

# Zam: I did it



...was my private initiative  
...and I had not received a  
...ate from the party.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYA SAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



ZAM menunjukkan sesuatu kepada Tun Dr. Mahathir dari bukunya *Wira Tak Didendang* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi pada 27 Januari, 2004.



# Mahathir Bukan Kawan Saya

**S**AYA tidak pasti mengapakah saya terus dianggap sebagai orang Tun Dr. Mahathir walaupun hubungan ini telah melalui proses turun naiknya. Saya dipandang serong oleh ramai orang kerana mengkritik Dr. Mahathir kembali campur tangan dalam pemerintahan negara ketika Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri. Beliau telah pun berjanji untuk tidak lagi akan kembali ke dalam politik dan pentadbiran negara.



Selepas pilihan raya umum 2008, saya menyatakan Dr. Mahathir sewajarnya turut menerima tanggungjawab di atas berlakunya tsunami kerana berbagai-bagai kecaman dan kritiknya telah mengalih sokongan rakyat dari BN.

“Meletakkan semua tuduhan terhadap Abdullah Badawi tidak wajar kerana amat jelas Dr. Mahathir penuh dengan kemarahan dan tidak boleh mengawal perasaan dendamnya.

“Mungkin beliau tidak sedar atau mungkin beliau sengaja tidak mahu sedar bahawa kredibilitinya sebagai

bekas pemimpin masih kuat dan pengaruhnya di kalangan akar umbi Melayu dan bukan Melayu sangat besar.” (*The Star* 3 Mac, 2008).

Dalam menolak Abdullah sebagai Perdana Menteri yang dipilih olehnya sendiri, beliau membuat kenyataan yang menggemparkan pada 7 Jun 2006 bahawa Abdullah bukan pilihannya yang pertama tetapi pilihan kedua selepas Datuk Seri Najib.

Kegemparan ini sama dengan kegemparan kenyataannya menarik balik sokongan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib.


THE STAR, MONDAY 31 MARCH 2008

# Zam: Dr M to blame, too

'Ex-PM's accusations swayed people to vote against BN'

**»His credibility influenced people into believing what he said«**

DATUK SERI ZAINUDDIN MAIDIN



There have been many opinions in the aftermath of the election but Dr Mahathir being a factor was not really mentioned," he added.

**KUALA LUMPUR** Former Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad must shoulder some of the blame for Barisan Nasional's weak performance in the recent general election, says former finance minister Datuk Seri Zainuddin Maidin.

Dr Mahathir's various accusations swayed the people to vote against Barisan, he said.

Saying all that on Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi for Barisan's iver is not right because it is clear that Dr Mahathir is full of anger and his intent is to trigger a split, said Zainuddin.

"Maybe he was not aware or maybe he purposely did not want to be aware that his credibility as a former leader is still strong and that his influence on the grass roots, both Malay and non Malays, is significant."

"His credibility influenced people into believing what he said and he also lost his credibility to bloggers and websites," he said when met at his house here yesterday.

Zainuddin said there were three statements in particular that affected UMNO's and Malaysia's confidence in the leadership in the run up to the elections.

"The first was when he said he regretted appointing Abdullah as the Prime Minister.

"This was then followed up by Dr Mahathir saying that Abdullah was only meant to be a one term Prime Minister, and that more support on was needed in Parliament."

Zainuddin added that the third and most damning statement that was widely accepted by all segments of society was about the role Deputy Umno Youth chief Khairy Jamaluddin and his advisers played in the country's politics and economy.

"This even caused Gerakan adviser Datuk Seri Lim Keng Yaik to ask Abdullah to get rid of his advisers," he said.

Zainuddin said he was merely telling the truth when he said that Dr Mahathir could not deny he had played a role in Barisan's dismal poll results.

He refused to say that other factors do not count but Dr Mahathir cannot absolve himself from this.

**'Help reps finance their service centres'**

*The Star* bertarikh 3 Mac 2008



## MAHATHIR BUKAN KAWAN SAYA



Dalam pertemuan saya dengannya di kediamannya pada 30 Jun 2006, Dr. Mahathir memberitahu kenyataan itu dibuat kerana Abdullah memungkiri beberapa perjanjian mulut dengannya. Di antaranya pelaksanaan beberapa projek mega dan yang terutama sekali Jambatan Bangkok untuk menghubungkan Singapura Malaysia. Bagi Mahathir ini adalah soal maruahnya dan maruah negara.

Saya tidak sahaja menegur di belakang tentang ketidakwajaran baginya untuk kembali mencampuri urusan negara tetapi juga di hadapannya sendiri. Bagaimanapun setelah mendapat keterangan daripadanya, saya mulai melihat kembali kebenarannya yang semakin terserlah apabila projek tertentu yang dibatalkan dijalankan semula dengan memakan kos yang lebih besar dan ada projek yang asalnya hanya berjuta ringgit telah meningkat kepada bilion ringgit untuk dilaksanakan.

Beberapa orang

pengusaha yang terlibat dengan pembatalan beberapa projek termasuk di Pulau Langkawi telah mengadu kepada saya tentang kerugian besar, penutupan syarikat dan kehilangan kepercayaan kepada syarikat mereka malah salah seorang daripada mereka memberitahu saya bahawa dia hampir membunuh diri.

Saya juga mengkritik keengganan Dr. Mahathir untuk mengadakan pertemuan damai dengan Abdullah Badawi menjelang Hari Raya Aidilfitri Oktober 2006 kerana pada pandangan saya inilah masa yang sangat sesuai dengan semangat keislaman dan harapan orang ramai pada masa itu.

Sebenarnya saya telah mengambil inisiatif bersendirian supaya diadakan pertemuan damai antara Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri Abdullah dalam bulan Julai 2006 (*The Star* 4 Julai, 2006) tanpa memberitahu sesiapa termasuk parti UMNO sendiri kecuali meminta izin daripada Abdullah sebelum



ZAINUDDIN MAIDIN (Tan Sri) adalah satu nama besar dalam bidang kewartawanan dan politik tanah air. Tidak perlu diperkenalkan sangat kerana beliau dan buku-bukunya memang sudah terkenal.

Beliau tabah berusaha dan meningkat bukan hanya diangkat. Gigih selama lebih 50 tahun dalam bidang kewartawanan, bermula dari pemberita sambilan (stringer) hingga menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.

Selepas itu melangkah ke gelanggang politik, dilantik menjadi Senator, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Timbalan Menteri Penerangan dan seterusnya menjadi Menteri Penerangan Malaysia.

Buku terakhir beliau *Kisah Sejarah Utusan Melayu: Di Depan Api di Belakang Duri* tetapi beliau tidak berhenti di situ. Beberapa buah lagi bukunya akan terbit dalam masa terdekat setelah buku terbarunya *Mahathir Bukan Kawan Saya* dilancarkan.

Berusia 75 tahun, beliau mengaku akan terus menulis selagi badan dan minda masih sihat dikurniakan olehNya.

ISBN 978-967-12786-6-6



9 789671 278666

**PENERBIT:**

**BYG PUBLISHER & DISTRIBUTORS (002180033-X)**  
Block A7-1-1, Megan Salak Park, Jalan 2/125E,  
Taman Desa Petaling 57100 Kuala Lumpur  
Tel: 603-90545286 / 90591918 Fax: 603-90570130  
Emel: [byg.publisher@gmail.com](mailto:byg.publisher@gmail.com)



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA